

06/03/2003

Bersatu halang serangan (HL)

Kadir Dikoh

DOHA: Malaysia, yang bakal memimpin Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober ini, merayu kepada negara Islam supaya merapatkan hubungan dan sanggup bekerjasama untuk menghalang serangan ke atas Iraq dan membantu rakyat Palestin, di saat genting dan mencabar sekarang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap pada Sidang Kemuncak Tergempar OIC di sini semalam menegaskan, untuk sekian lama negara Islam dipinggirkan sehingga keputusan penting yang membabitkan ummah, ditentukan dan dikenakan terhadap mereka oleh orang lain.

"Suara OIC tidak diberi pertimbangan yang sewajarnya kerana kita gagal untuk bercakap dengan satu suara," kata Perdana Menteri, yang sebelum ini mencadangkan pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Negara Berkecuali (NAM) supaya perang diharamkan.

Dr Mahathir diberi penghargaan sebagai pemimpin pertama mewakili Asia berucap selepas ucapan perasmian oleh Emir Qatar, Sheikh Hamad bin Khalifa Al-Thani, selaku tuan rumah merangkap Pengerusi OIC sekarang.

Turut berucap Presiden Yasser Arafat melalui rakaman video dan Setiausaha Agung OIC, Abdulouahed Belkabez.

Perdana Menteri menggesa negara Islam supaya bersatu ketika negara Teluk bertelagah sesama sendiri terutama dalam menangani konflik Iraq yang kini menghadapi kemungkinan diserang oleh Amerika Syarikat bila-bila masa.

Perpecahan di kalangan negara Arab ketara apabila ada yang membenarkan penempatan tentera Amerika Syarikat dan menyediakan kemudahan pangkalan hadapan untuk melancarkan serangan ke atas Baghdad kerana hubungan rapat mereka dengan Washington.

Malah, ada yang mahukan Presiden Saddam Hussein meletak jawatan dan hidup dalam buangan bagi mengelak serangan.

Dr Mahathir berkata, ketika mesyuarat tidak rasmi OIC di Kuala Lumpur minggu lalu, pemimpin pertubuhan dianggotai 57 negara itu, berusaha untuk mengenal pasti kelemahan dan kekuatan OIC.

Sehubungan itu, katanya, apa perlu dilakukan sekarang ialah untuk merumuskan strategi yang mengambil kira faktor berkenaan.

"Jika kita tidak dapat bersetuju hatta keperluan untuk memikirkan strategi itu sekalipun, maka kita, seperti biasa, mesti menerima peminggiran sepanjang masa," katanya.

Beliau menjelaskan, sidang kemuncak tergepar itu diadakan ketika bantahan seluruh dunia terhadap perang di Iraq terus meningkat dan menjadi lebih kuat.

"Amat malang, kecuali keajaiban berlaku, serangan ke atas Iraq mungkin menjadi kenyataan sama ada mendapat restu PBB atau tidak, tidak lama lagi.

"Pemimpin OIC terpaksa menyertai untuk bersama-sama masyarakat dunia menentang peperangan terutama perang terhadap Iraq, supaya keajaiban berlaku iaitu perang tidak tercetus," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia komited dengan pendirian bahawa tindakan ketenteraan bagi menyelesaikan konflik antara negara, tidak harus digunakan. Kuala Lumpur juga menentang pemilikan atau penggunaan senjata pemusnah oleh sesiapa saja, tanpa dikecualikan.

"Dan sudah tentu Malaysia menentang tindakan unilateral (bersendirian).

"Sejajar dengan pendirian itu, Malaysia menyokong penuh usaha diambil oleh beberapa anggota majlis keselamatan PBB untuk melanjutkan tempoh pemeriksaan senjata di Iraq oleh pasukan pemeriksa senjata PBB (UNMOVIC) dan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

"Malaysia juga gembira dengan keputusan Iraq untuk memberi kerjasama penuh kepada UNMOVIC dan IAEA serta mematuhi resolusi majlis keselamatan PBB yang berkaitan," katanya.

Beliau berkata, jika UNMOVIC gagal menemui senjata pemusnah itu, ia bermakna senjata berkenaan tidak wujud dan dengan itu, sekatan oleh majlis keselamatan PBB terhadap Iraq sejak lebih sedekad lalu harus ditarik balik, kerana rakyat Iraq sudah menderita disebabkan tindakan itu.

Malaysia juga bimbang dengan keadaan yang bertambah buruk di Palestin apabila Israel menggunakan alasan konon untuk menentang keganasan selepas tragedi 11 September bagi melakukan serangan ganas terhadap rakyat Palestin.

Dr Mahathir berkata, sejak bermulanya intifada pada September 2000, lebih 2,800 rakyat Palestin termasuk kanak-kanak dibunuh dan lebih 43,000 pula cedera, selain Israel merempuh rumah menggunakan jentolak untuk membunuh keluarga yang disyaki penganas iaitu suatu tindakan tidak bermoral.

"Dalam mencari penyelesaian secara aman, negara Islam sudah melakukan tolak ansur besar apabila bersetuju untuk mengiktiraf negara Israel dan sebagai balasan, penerimaan Israel terhadap negara Palestin yang merdeka.

"Memandangkan negara Barat yang mewujudkan Israel, mereka mesti mengenakan tekanan ke atas Israel untuk menerima peta laluan dan menghentikan pembunuhan kejam rakyat Palestin yang tidak berdosa.

"Untuk melakukan ini, Malaysia tetap dengan pendirian mengenai keperluan segera diwujudkan pasukan pelindung PBB," katanya. Penghantaran pasukan pengaman ke Palestin dinyatakan dalam Penyataan Mengenai Palestin pada sidang kemuncak NAM di Kuala Lumpur minggu lalu.

Perdana Menteri berkata, keadaan di Iraq dan Palestin berkait rapat dan Asia Barat tidak boleh stabil jika tumpuan hanya diberikan kepada krisis Iraq.

Sebaliknya, perang terhadap Iraq kemungkinan memburukkan lagi keadaan di Asia Barat dan masalah keganasan dunia.

Beliau berkata, menyerang Iraq dan membenarkan Israel untuk melakukan tindakan ganas serta memiliki senjata nuklear, akan hanya mencetuskan kemarahan yang semakin memuncak di kalangan umat Islam sejagat dan menambah rekrut untuk melakukan serangan ganas.

"Atas alasan ini, Malaysia yakin penyebab keadaan di Asia Barat mesti diteliti dengan sebaik mungkin bagi merumuskan strategi yang hasilnya boleh diterima. Sidang Kemuncak NAM mengeluarkan pernyataan berasingan, masing-masing mengenai Iraq dan Palestin.

"Mesyuarat tidak rasmi OIC pula, turut membincangkan dua isu yang sama. Dua mesyuarat itu menghantar mesej yang sangat jelas iaitu kita menentang perang terhadap Iraq dan mendesak penyelesaian segera terhadap masalah Palestin," katanya.